

01 AUG 1999

Lim-Melayu

CINA DAN INDIA MALAYSIA MAHU PERPADUAN DAN KEPIMPINAN MELAYU

PANTAI REMIS, 1 Ogos (Bernama) -- Kaum Cina dan India di negara ini mahu orang Melayu bersatu kerana mereka menyedari perpaduan dan kepimpinan kaum itu adalah penting dalam meneruskan pembangunan sosio-ekonomi dan kestabilan politik di negara ini.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata kaum Cina dan India sedang memerhati dengan rasa bimbang serangan berterusan pihak pembangkang terhadap kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertujuan memecah-belahkan orang Melayu.

"Ini politik yang berbahaya terutama dalam negara yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum seperti Malaysia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bilik operasi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Pantai Remis di sini hari ini.

"Kita semula mahukan keamanan dan kestabilan bagi memastikan pembangunan yang berterusan di negara ini," katanya.

Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama mengingatkan rakyat Malaysia bahawa pembangunan ekonomi dan politik yang berterusan adalah kerana kepimpinan Dr Mahathir yang kuat dan penuh dengan keazaman.

Kerana gagal mencapai aspirasi politik mereka sendiri, katanya pihak pembangkang menyerang Dr Mahathir dan kerajaan dan mencuba pelbagai cara bagi memecah-belahkan orang Melayu dalam usaha merampas kuasa daripada Barisan Nasional (BN).

Sejak pilihan raya umum malah sebelum Merdeka, kaum Cina dan India mengakui pentingnya kekuatan Umno dan BN bagi menyediakan barisan pemimpin untuk meneruskan rancangan pembangunan.

"Kaum Cina dan India berdiri kukuh bersama BN, bagaimanapun kita perlukan kepimpinan Melayu yang kuat bagi menerajui negara untuk memacu negara dengan jayanya ke alaf baru," katanya.

Kestabilan politik di kalangan orang Melayu adalah penting untuk menarik pelaburan tempatan dan asing bagi memastikan pembangunan sosio-ekonomi yang berterusan di negara ini, katanya.

Mengenai ekonomi, Dr Lim berkata bertentangan dengan apa yang didakwa oleh pembangkang, "Malaysia telah keluar daripada kemelesetan ekonomi dan kini menuju pemulihan."

-- BERNAMA

MR LAT